

**SEKULARISME : SEJARAH KELAHIRAN DAN  
KESANNYA TERHADAP PERADABAN ISLAM  
DENGAN PENUMPUMAN TERHADAP SERANGAN  
PEMIKIRAN**

**HASLINDA BINTI HASAN**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
1999/2000**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510475613

Dimikrofikasi pada..... 21.02.2002  
No Mikrofis..... 15261  
Jumlah Mikrofis..... 2

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI  
UNIT REPROGRAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA



**SEKULARISME : SEJARAH KELAHIRAN DAN  
KESANNYA TERHADAP PERADABAN ISLAM  
DENGAN PENUMPUAN TERHADAP SERANGAN  
PEMIKIRAN**

**HASLINDA BINTI HASAN**

**Disertasi ini dikemukakan bagi memenuhi  
sebahagian daripada syarat keperluan  
Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban)  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur**

***Dedikasi***

***Sumbangsih Ini Kupersembahkan Khas Buat***

***Bapa, Haji Ishak bin Saad  
Mak, Hajjah Ahmah binti Othman  
Ayah, Hasan bin Mahmud  
Ibu, Siti Asiah binti Osman***

***Sesungguhnya Tiada Bicara  
Dapat Anakanda Katakan Betapa Berertinya  
Kalian Dalam Hidupku, Pengorbanan, Kecintaan dan Doa Restu  
Kebahagiaan Paling Hakiki... Abadi Selamanya***

## **PENGAKUAN**

**“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”**

.....  


**Haslinda binti Hasan**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan keluarga, para sahabat, seterusnya kepada semua muslimin dan muslimat.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah serta kurnia-Nya dapat penulis mengecapi nikmat dalam menuntut ilmu dan menyiapkan disertasi dengan sekadar yang termampu.

Melalui halaman ini, sebagai tanda penghargaan, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Hazim Shah Abdul Murad selaku penyelia, kerana sudi meluangkan masa untuk memberi komen, pandangan dan juga bimbingan dalam proses menghasilkan disertasi ini. Segala pandangan dan bimbingan bellau telah memberikan semangat dan ketabahan untuk penulis berusaha menyiapkan disertasi ini dengan sebaik mungkin. Segala budi dan jasa baik bellau sentiasa terpahat di ingatan.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan khas kepada semua pensyarah yang terlibat dalam menerangkan ilmu kepada anak bangsamu ini, kakitangan Perpustakaan UM, Perpustakaan Peringatan Za'ba, kakitangan Pusat Islam, Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah, Perpustakaan UIA dan Perpustakaan Negara di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan bagi menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga, ucapan yang sama ditujukan kepada semua mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugas ini.

Sekalung Penghargaan tidak terhingga ditujukan istimewa buat bapa Hajji Ishak bin Saad, mak Hajjah Ahmah binti Othman, ayah Hasan bin Mahmud dan ibu Siti Asiah binti Osman yang tidak jemu berdoa sepanjang masa, memberi semangat, nasihat dan dorongan semasa proses menghasilkan disertasi ini. Yang tersayang suamiku Azhar b. Hajji Ahmad tidak ketinggalan juga untuk Kak Chak iaitu Hafizah dan Mahatzir sekeluarga, Abang Anuar, Abang Adnan, Abang Azhar dan Abang Akmar juga kepada Kak Azlina, Kembarku Azirawati, Kak Aniza serta adik, Mohamad Fauzannor yang memahami diri ini.

Seterusnya tidak dilupakan juga buat rakan-rakan seperjuangan Iaitu Kak Nafislah, Mazliah, Najihah, Ha, Shauki yang tabah mengharungi segala ranjau dan dugaan sepanjang kursus ini dan sentiasa prihatin, memberi semangat dan bekerjasama dalam pembilikan disertasi ini. Tidak dilupakan juga kepada semua rakan sekelas sesi 1999/2000 semoga apa yang dicita-citakan tercapai jua insyaallah.

Akhir sekali penulis mengharapkan disertasi ini akan dapat memberikan manfaat dan mendapat keberkatan dari Allah s.w.t.

Wassalam,

**Haslinda binti Hasan,  
Pengajian Peradaban,  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur.**

**27 Kg. Sungai Baru Gunung  
05150 Alor Setar  
Kedah**

**21 Ogos 2001**

## **ABSTRAK**

Sekularisme merupakan suatu ideologi yang mudah meresapi aspek kehidupan manusia dan boleh meninggalkan kesan yang buruk terhadap peradaban Islam. Sekularisme didefinisikan sebagai pemisahan antara kehidupan dunia dengan keagamaan. Ini bermakna manusia boleh melakukan sesuatu tanpa dibendung oleh otoriti keagamaan. Justeru itu, disertasi ini adalah satu usaha untuk melihat bagaimana idea ini muncul di Barat sejak dari zaman Renaisans hingga ke zaman *Enlightenment* dengan meletusnya beberapa revolusi di Eropah yang menyebabkan manusia lebih mementingkan penggunaan akal dan logik rasional dalam memahami dan menyelesaikan masalah. Seterusnya idea sekularisme telah menjadi amalan dan diadaptasikan dalam kehidupan negara dan umat Islam. Penulis memulakan disertasi ini dengan menjelaskan skop kajian secara umum termasuklah penerangan tentang latarbelakang kajian, tumpuan kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan. Dalam Bab Satu, penulis membentangkan pengenalan kepada sekularisme iaitu memberikan pelbagai definisi berkaitan sekularisme dari pelbagai tokoh sama ada dari Barat ataupun Islam, termasuklah juga makna sekularisme dalam konteks bahasa, falsafah dan sejarah serta pengenalan kepada peradaban sekular. Di dalam Bab Dua pula, penulis menerangkan sejarah kelahiran sekularisme sejak zaman Renaisans, tahap perkembangan, aliran-aliran pemikiran dan adaptasinya dalam kehidupan di Barat. Sekularisme dan umat Islam dibincangkan melalui Bab Tiga termasuklah pandangan Islam terhadapnya, musuh-musuh Islam dan negara Turki dijadikan contoh peradaban Islam yang mengamalkan idea pemikiran tersebut. Di dalam bab Keempat, yang boleh di anggap sebagai bab terpenting, membincangkan kesan sekularisme terhadap peradaban Islam termasuklah kesan ke atas sistem sosial, ekonomi, politik dan juga pemikiran dan amalan sekularisme di Malaysia. Di dalam bab terakhir, iaitu Bab Lima penulis menutup disertasi ini dengan membuat kesimpulan hasil dari pemerhatian dan pengkajian yang telah dilakukan.

## **ABSTRACT**

Secularism as an ideology has long affected Islamic civilization. It is defined as separating the worldly life from religion leaving negative impact on muslims especially and men generally for they are not bound to follow religious authority. This dissertation will look at how the idea of secularism started in the West, beginning with the Renaissance to Enlightenment leading subsequently to many European revolutions which emphasize on rationality in problem solving rather than following the Church order. This form of secularism was then adapted and practiced by the muslim countries and communities. The author starts this dissertation by outlining the research scope, objectives, methodology and writing scheme. Various definitions are given from deferent perspectives in Chapter One. It includes Western and Islamic perspective, literal, philosophical and historical context of secularism. Chapter Two describes the birth of the concept of secularism, its schools of thought and adaptions in life. Chapter three specifically discusses secularism and muslim community, the perspective and the adaptation taking Turkey as an example. Chapter Four represents the most important part, involving a discussion of the impact of secularism on muslim civilization, which includes social, economic, political and intellectual dimensions and practices in Malaysia. The author concludes this dissertation with personal observation from research done in Chapter Five.

## **ISI KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
DEDIKASI	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK (BAHASA MELAYU)	vi
ABSTRAK (BAHASA INGGERIS)	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI SINGKATAN KATA	xi

## **PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	1
Tumpuan Kajian	2
Objektif Kajian	3
Metodologi Kajian	5
Sistematika Penulisan	6

## **BAB SATU : PENGENALAN KEPADA SEKULARISME**

1.0 Pengenalan	9
1.1 Definisi Sekularisme	11
1.2 Makna Sekularisme Dalam Konteks Bahasa	17
1.3 Makna Sekularisme Dalam Konteks Falsafah	19
1.4 Makna Sekularisme Dalam Konteks Sejarah	21

1.5	Peradaban Sekular	23
1.5.1	Definisi Peradaban	23
1.5.2	Islam dan Cabaran-Cabaran Masa Kini	26
1.5.3	Islam dan Sekularisme	27

## **BAB DUA : SEJARAH KELAHIRAN SEKULARISME**

2.0	Pengenalan	35
2.1	Zaman Renaisans	37
2.1.1	Sebab-sebab Tercetusnya Renaisans	39
2.1.1 (a)	Sumbangan Umat Islam dan Tamadunnya	40
2.1.1 (b)	Penyelewengan Institusi Gereja	42
2.2	Dua Tahap Perkembangan Sekularisme	45
2.2.1	Period Sekularisme Moden (Abad XVI-XVII Masihi)	45
2.2.2	Period Sekularisme Ekstrim (Abad XIX-XX Masihi)	47
2.3	Aliran-Aliran (Fahaman) Pemikiran Sekularisme di Barat	49
2.3.1	Emfirisisme (Empiricism)	49
2.3.2	Humanisme	51
2.3.3	Modenisme	53
2.3.4	Liberalisme	55

## **BAB TIGA : SEKULARISME DAN UMAT ISLAM**

3.0	Pengenalan	61
3.1	Pandangan Islam Terhadap Sekularisme	62
3.2	Serangan Sekularisme oleh Musuh-Musuh Islam	67
3.2.1	Orientalisme (Zionisme)	68
3.2.1 (a)	Tujuan Kegiatan Orientalisme	70
3.2.2	Gerakan Modernis Islam	73
3.3	Pertembungan Peradaban	75
3.4	Pensekularian dalam Peradaban Umat Islam (Tumpuan Kepada Negara Turki)	76
3.4.1	Dasar-dasar Pemerintahan Kemal Ataturk	78
3.4.2	Kesan Dasar Sekularisme Negara Turki	82

## **BAB EMPAT : KESAN SEKULARISME TERHADAP PERADABAN ISLAM**

4.0 Pengenalan	85
4.1 Pemikiran Sekular	87
4.1.1 Sikap Umat Islam Terhadap Barat	88
(a) Tahap Pertama	89
(b) Tahap Kedua	90
(c) Tahap Ketiga	91
4.2 Serangan Pemikiran	92
4.3 Adaptasi Kehidupan Sekular (Pemikiran atau Idea yang Diamalkan)	95
4.3.1 Kesan ke atas Sosial	96
4.3.2 Kesan ke atas Ekonomi	98
4.3.3 Kesan ke atas Politik	101
4.4 Pemikiran Sekularisme di Malaysia	104

## **BAB LIMA : RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	110
5.1 Menangani Serangan Sekularisme (Saranan)	112
5.2 Kesimpulan	116

## **BIBLIOGRAFI**

## **SENARAI SINGKATAN KATA**

Bil.	-	Bilangan
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
Dlm	-	Dalam
Dll	-	Dan lain-lain
Dr.	-	Doktor
Hlm.	-	Halaman
M	-	Masihi
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PKPIM	-	Persatuan Kebangsaan Islam Malaysia
Prof	-	Profesor
S.a.w	-	Salallahu ‘alaihi wassalam
S.w.t	-	Subha nahu wata’ala
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Berhad
Terj.	-	Terjemahan
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
Vol.	-	Volume
&	-	Dan

# PENDAHULUAN

Penulis mengucapkan terimakasih yang sebenarnya kepada Allah SWT atas segala berkat dan rahmat-Nya yang selalu memberikan pengetahuan dan ilmu yang banyak.

Bersyukur atas bantuan dan pertolongan-Nya agar penulisan ini dapat berhasil dan sukses.

Penulis juga mengucapkan terimakasih kepada para ahli dan ahli ilmu yang telah memberikan saran dan bantuan dalam penulisan ini.

Bersyukur atas bantuan dan pertolongan-Nya agar penulisan ini dapat berhasil dan sukses.

Penulis juga mengucapkan terimakasih kepada para ahli dan ahli ilmu yang telah memberikan saran dan bantuan dalam penulisan ini.

Bersyukur atas bantuan dan pertolongan-Nya agar penulisan ini dapat berhasil dan sukses.

Penulis juga mengucapkan terimakasih kepada para ahli dan ahli ilmu yang telah memberikan saran dan bantuan dalam penulisan ini.

Bersyukur atas bantuan dan pertolongan-Nya agar penulisan ini dapat berhasil dan sukses.

Penulis juga mengucapkan terimakasih kepada para ahli dan ahli ilmu yang telah memberikan saran dan bantuan dalam penulisan ini.

Bersyukur atas bantuan dan pertolongan-Nya agar penulisan ini dapat berhasil dan sukses.

Penulis juga mengucapkan terimakasih kepada para ahli dan ahli ilmu yang telah memberikan saran dan bantuan dalam penulisan ini.

Bersyukur atas bantuan dan pertolongan-Nya agar penulisan ini dapat berhasil dan sukses.

Penulis juga mengucapkan terimakasih kepada para ahli dan ahli ilmu yang telah memberikan saran dan bantuan dalam penulisan ini.

Bersyukur atas bantuan dan pertolongan-Nya agar penulisan ini dapat berhasil dan sukses.

## **PENDAHULUAN**

### **PENGENALAN**

Pendahuluan dalam sesebuah disertasi penting untuk memperjelaskan hasil penulisan penulis seperti pernyataan-pernyataan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Melalui pendahuluan ini, penulis dapat menerangkan dengan lebih terperinci tentang topik yang dikaji, termasuklah objektif kajian, tumpuan atau batasan kajian, metod yang telah digunakan dan juga sistematika penulisan.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Pengkajian mengenai sekularisme telah lama dilakukan dan ia adalah suatu masalah yang global. Ideologi sekularisme seperti sesuatu yang sedia wujud di dalam peradaban manusia kerana mudah diresapi dan berkembang kecuali umat Islam menyedari akan bahayanya dan mengamalkan kemurnian hidup menurut syariat Islam. Penulis telah mengkaji sekularisme secara umum tanpa menghadkan kepada sesuatu tempat dan masa. Penulis juga cuba membincangkan tajuk ini merujuk kepada pengertian dan sejarah kelahiran serta adaptasinya dalam peradaban Islam dengan penumpuan terhadap serangan pemikiran sebagai satu kesan yang tidak dapat disanggah lagi.

Seterusnya penulis turut menerangkan dakyah musuh-musuh Islam untuk menyesatkan umat Islam dengan memperkenalkan pelbagai idea sekular dan dikatakan sebagai salah satu cara untuk mencapai kemodenan atau kemajuan dalam kehidupan. Oleh itu penulis telah mengambil pandangan beberapa orang tokoh Islam dan Barat mengenai

sekularisme dari pelbagai sudut termasuklah kesannya ke atas tamadun dan umat Islam. Selain itu, penulis juga membincangkan penyerapan idea ini dan amalannya dengan memberi contoh ke atas peradaban sekular di Turki khasnya dan peradaban-peradaban lain secara umum termasuklah di Malaysia. Akhirnya penulis membuat analisis iaitu cara penyelesaian masalah tersebut dan kesimpulannya dengan melihat aspek pensejarahan dan perkembangan-perkembangan yang berlaku sekarang.

## TUMPUAN KAJIAN

Penulis mengkaji sekularisme dalam aspek pensejarahannya bermula dari zaman Pertengahan di Eropah sehingga tercetusnya Renaisans yang membawa perkembangan idea tersebut ke seluruh dunia sehingga kini. Oleh itu, penulis telah memberi penumpuan terhadap idea dan amalan sekularisme ke atas umat Islam dan peradabannya terutama dari aspek serangan pemikiran dan adaptasinya secara umum. Perbincangan ini didahului dengan pengenalan kepada sekularisme yang meliputi definisinya termasuk pandangan tokoh-tokoh Islam dan Barat. Misalnya telah disepakati bahawa sekularisme membawa idea pemisahan agama dari urusan keduniaan manusia.

Pertentangan sekularisme dengan Islam jelas dilihat melalui sudut idea dan amalan sehingga masyarakat mengadaptasikannya ke dalam peradaban Islam. Penumpuan diberikan ke atas kesan sekularisme terhadap peradaban Islam untuk memberikan pengajaran kepada generasi Islam yang akan datang. Ini kerana hasil dari manifestasi tersebut umat Islam dapat melihat warisan peradaban Islam yang masih wujud sehingga sekarang terutamanya cengkaman pemikiran sekular dalam masyarakat.

Apabila pengamalan sekularisme dalam kehidupan, pelbagai bentuk idea, pemikiran dan amalannya dapat merubah keaslian peradaban seperti pandangan terhadap tradisi, budaya dan agama umat Islam. Oleh itu, terhasilah peradaban yang tidak membawa manusia ke arah hakikat kehidupan yang sebenar seperti yang dituntut oleh syariat Islam. Adaptasi sekularisme dalam pelbagai bidang seperti aspek sosial, ekonomi dan politik semestinya menjelaskan keperibadian dan keunggulan kemurniaan Islam dalam jiwa manusia. Malah pengaruh sekularisme akan menjadi lebih besar dalam dunia tanpa sempadan ini jika tidak dikawal dan dihapuskan segera. Penulis juga mendapati umat Islam kini giat memantapkan dan mengembangkan syiar Islam walaupun mendapat cabaran hebat dari pengamalan sekularisme oleh pelbagai negara Islam dan bukan Islam amnya.

## **OBJEKTIF ATAU TUMPUAN KAJIAN**

Terdapat beberapa objektif atau tujuan yang diketengahkan oleh penulis untuk dinyatakan atau disebarluaskan di kalangan pembaca. Kajian ini dirasakan perlu untuk :

1. Menjelaskan kepada masyarakat tentang maksud sekularisme supaya dapat difahami secara lebih mendalam dan memberi amaran tentang bahayanya idea dan pengamalannya dalam kehidupan manusia terutama dari aspek serangan pemikiran yang meliputi pengamalan dalam lapangan sosial, ekonomi dan politik.
2. Memberi pendedahan bahawa wujudnya sekularisme di dalam peradaban Islam. Ia juga untuk menyedarkan dan memberi pengajaran kepada umat Islam dengan lebih lanjut tentang pelbagai gerakan musuh-musuh Islam. Ia termasuklah untuk memerangi dan menyesatkan manusia dari jalan yang benar sama ada secara langsung atau tidak langsung.

3. Mendedahkan bahawa kehidupan secara Islam merupakan matlamat abadi untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat tanpa penekanan terhadap duniawi semata-mata dan tidak menyisihkan agama dalam kehidupan.
4. Seterusnya mendedahkan kepada pembaca tentang manifestasi dalam peradaban seperti yang berlaku di negara Turki. Turki contoh jelas peradaban Islam yang berjaya disekulararkan sepenuhnya sehingga meninggalkan kesan nyata dan sukar dikikis idea serta pemikirannya dari jiwa masyarakat dan dijadikan amalan dalam kehidupan mereka. Oleh itu umat Islam akan mendapat pengajaran bahawa peradaban yang disekulararkan tidak membawa kemajuan yang sebenarnya.
5. Melihat pengaruh sekularisme sehingga menerbitkan fahaman-fahaman yang boleh meresapi pemikiran umat Islam sehingga mereka mengakui ia adalah yang terbaik untuk mencapai kemajuan ummah. Oleh itu, peradaban sekular dijadikan peradaban yang global seolah-olah seluruh dunia perlu mencontohi dan mengikutinya.
6. Mendedahkan kepada masyarakat bahawa kesan sekularisme sungguh dahsyat sehingga boleh memesongkan akidah umat Islam. Misalnya golongan yang menolaknya dikatakan konservatif, kolot dan menolak kemodenan dengan wujudnya golongan modenis Islam yang menyokong idea ini untuk mencontohi Barat sekular yang dikatakan lebih moden dan terbaik.
7. Pendedahan ini juga diharapkan dapat menyedarkan dan mendekatkan masyarakat kepada ajaran Islam untuk menghadapi pelbagai bentuk serangan dan cabaran dari musuh-musuh Islam di alaf baru ini.
8. Masyarakat juga diharapkan akan mendapat manfaat hasil pendedahan kajian ini agar tidak mudah terpengaruh dari segala bentuk fahaman dan ideologi Barat yang sekular.
9. Semoga umat Islam terus berpegang teguh kepada ajaran dan syariat Islam yang ditetapkan agar tidak rugi di kemudian hari hasil dari keimanan yang teguh dan takwa

kepada Allah. Kesemua ini dapat menghindari umat Islam dari mengikuti fahaman yang menyesatkan mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penggunaan metodologi penyelidikan penting dalam menghasilkan kajian yang ilmiah sifatnya dan dapat diterima umum sebagai hasil yang mantap dan unggul. Penulis juga telah menggunakan pelbagai metodologi untuk memantapkan hasil kajian ini. Dalam penulisan disertasi ini penulis telah menggunakan beberapa metodologi yang dirasakan perlu seperti yang dinyatakan di bawah.

### **1. Metod Pengumpulan Data**

Ia digunakan dalam usaha mendapatkan lebih banyak maklumat dan bahan untuk pengkajian penulis. Penulis telah menggunakan beberapa metod yang difikirkan sesuai untuk manfaat, kejituhan dan kemantapan penulisan. Melalui metod pengumpulan data tersebut, penulis akan menggunakan metod-metod seperti:

#### **a) ‘Literature survey’**

Metod ini mengkaji atau menganalisis dokumen-dokumen yang relevan dari segi sumber primer dan sekunder.

#### **b) Metod Dokumentasi**

Metod ini ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang diteliti. Dokumen pula bererti benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan contohnya seperti buku-buku, majalah-majalah, kertas-kertas kerja seminar dan ayat-ayat Al-Quran. Kesemua dokumen ini adalah sumber bertulis dan terjamin keaslian dari sudut ilmunya.

## **2. Metod Analisis Data**

Kaedah ini ialah proses mengkaji data-data atau maklumat yang telah dikumpulkan oleh penulis. Melalui cara ini dapat membantu penulis untuk menyempurnakan disertasinya dengan baik. Penganalisaan ini pada umumnya menggunakan teknik seperti berikut :

### **a) Metod Komparatif**

Iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan dari semua data-data dan fakta-fakta yang diperolehi sebagai kesimpulan.

### **b) Metod Induksi**

Iaitu membuat konklusi secara umum daripada analisis data yang bersifat khusus.

### **c) Metod Deduksi**

Iaitu membuat konklusi secara premis atau andaian daripada satu pengertian yang bersifat khusus kepada prosedur umum.

## **3. Sumber Data**

Melalui metod ini pengumpulan data dibuat dari dua sumber iaitu :

### **a) Penyelidikan Perpustakaan**

Dalam pengkajian penulis, banyak sumber pendua yang diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di Malaysia seperti UM, UIA, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Pusat Islam dan Perpustakaan Negara.

### **b) Penyelidikan Lapangan**

Penulis memperbanyak dan melengkapi data untuk penulisan dengan menggunakan penyelidikan di luar perpustakaan seperti menghadiri seminar-seminar yang berkaitan dengan pengkajian.

## SISTEMATIKA PENULISAN

Penulis telah memperincikan pengkajian penulisan ini kepada lima bab utama dan didahului dengan pendahuluan untuk menghasilkan sebuah disertasi yang lengkap.

**Pendahuluan**, penulis memulakan dengan menjelaskan pengenalan bab pendahuluan, pernyataan masalah, tumpuan kajian, metodologi dan sistematika penulisan.

**Bab Satu**, penulis menerangkan penjelasan berkenaan pengenalan kepada sekularisme iaitu penumpuan terhadap pengertian sekularisme. Definisi sekularisme dilihat dari pelbagai konteks iaitu dalam konteks bahasa, falsafah dan sejarah. Kemudiannya penulis mengetengahkan pengenalan kepada peradaban sekular termasuklah definisi peradaban, Islam dan cabaran-cabaran masa kini seterusnya Islam dan sekularisme.

**Bab Dua**, penulis mengkaji sejarah kelahiran yang bermula pada zaman Renaisans dan sebab-sebab tercetusnya serta dua tahap perkembangan sekularisme. Seterusnya dibincangkan aliran-aliran pemikiran sekularisme di Barat dengan menumpukan empat aliran yang penting iaitu empirisme, humanisme, modenisme dan liberalisme.

Melalui **Bab Tiga**, penulis memperincikan mengenai sekularisme dan umat Islam. Pandangan Islam terhadap sekularisme, serangan sekularisme oleh musuh-musuh Islam termasuklah orientalisme dan tujuan kegiatannya serta gerakan modenis Islam turut diperbincangkan. Persoalan mengenai pertembungan peradaban juga diterangkan malah penumpuan telah diberikan kepada pensekularisasi dalam umat Islam di Turki sebagai pengajaran yang penting.

Manakala **Bab Empat** pula adalah kemuncak pengkajian penulisan iaitu mengenai kesan sekularisme terhadap peradaban Islam. Penulis cuba melihat pemikiran sekular dan sikap umat Islam terhadapnya yang dinyatakan secara tiga tahap. Seterusnya dibincangkan mengenai serangan pemikiran terhadap umat Islam dan adaptasinya yang membawa kesan sosial, ekonomi dan politik serta yang terakhir dikaji pemikiran sekularisme di Malaysia.

**Bab Lima** ialah saranan-saranan untuk mengatasi masalah sekularisme dan kesimpulan hasil dari keseluruhan pengkajian penulis yang telah dibincangkan.